

## Pengenalan kepada Perakaunan: Jawapan Soalan Set 8

a) Maksud

- I. Sistem catatan bergu: Setiap urusan niaga perlu direkodkan dalam dua akaun yang berasingan, iaitu satu akaun didebitkan dan satu akaun lagi dikreditkan, dengan amaun yang sama.
- II. Pengiktirafan hasil dan belanja: Hasil perniagaan hanya akan diiktiraf (direkodkan sebagai hasil dalam buku perakaunan) apabila ia telah terperoleh dan belanja diiktiraf apabila ia dibelanjakan untuk menjana hasil.

b) Empat butiran yang direkodkan dalam Akaun Untung Rugi sebuah kedai runcit ialah:

- I. Komisen diterima
- II. Faedah diterima
- III. Sewa
- IV. Kadar bayaran

c) Dua kelebihan proses perakaunan berkomputer berbanding dengan proses perakaunan manual ialah:

- I. Pemprosesan data dilakukan secara cepat serta dengan volum yang banyak.
- ii. Kesilapan perekodan dapat dikurangkan disebabkan oleh tatacara pengesahan yang sedia ada dalam perisian komputer.

d) Bilangan ahli minimum dan maksimum bagi setiap bentuk organisasi:

| Bentuk Organisasi    | Bilangan ahli |          |
|----------------------|---------------|----------|
|                      | Minimum       | Maksimum |
| Pemilikan tunggal    | 1             | 1        |
| Perkongsian          | 2             | 20       |
| Syarikat awam berhad | 2             | Tiada    |
| Koperasi             | 50            | Tiada    |

e) Empat badan profesional perakaunan yang popular di Malaysia ialah:

- I. MICPA – Malaysian Institute of Certified Public Accountants
- II. ACCA – Association of Chartered Certified Accountants
- III. CIMA – Chartered Institute of Management Accountants
- IV. CPA Australia – Certified Public Accountants Australia